



## Majlis Ramah Mesra Pemimpin Pelajar *Bersama Naib Canselor*

Oleh ; Fazlina Md. Fadzil

**24 September 2008**, Unit Aktiviti Pelajar JHEPA telah menganjurkan majlis ramah mesra ini bertempat di Hotel Putra Brasmana, Kuala Perlis.

Seramai hampir 100 orang pelajar yang terdiri daripada kalangan ahli Majlis Perwakilan Pelajar, Majlis Penghuni Kolej Kediaman dan Presiden Kelab & Persatuan Pelajar terlibat menyertai majlis ini. Majlis ini turut dihadiri oleh Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin Naib Canselor UniMAP, Encik Razli Ahmad Dekan JHEPA dan Encik Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah Timbalan Dekan JHEPA. Antara objektif majlis ini adalah untuk menyediakan ruang dan platform kepada pemimpin-pemimpin mahasiswa untuk berdialog secara terbuka dengan Naib Canselor dan Dekan JHEPA dengan membincangkan apa jua permasalahan atau isu yang timbul di kalangan mahasiswa.

Disamping itu, majlis ini juga diadakan bagi memperkenalkan Dekan JHEPA yang baru iaitu Encik Razli Ahmad kepada para pemimpin mahasiswa. Menerusi program seperti ini, para pemimpin mahasiswa berpeluang untuk mendekati dan beramah mesra dengan pihak pengurusan atasan universiti terutama sekali dengan pihak pengurusan JHEPA itu sendiri. Malahan pihak JHEPA mengambil inisiatif untuk menganjurkan majlis seperti ini bagi mengeratkan lagi hubungan mesra dengan para pemimpin mahasiswa kerana mereka ini adalah di antara sebahagian mahasiswa yang kerap berurusan dengan pihak JHEPA. Dalam majlis ini, para pemimpin mahasiswa juga berkesempatan bersahur bersama dengan Naib Canselor. Diharapkan agar keakraban hubungan silaturahim antara pihak JHEPA dengan para pemimpin mahasiswa akan dapat mewujudkan satu kolaborasi dan jaringan kerjasama yang mantap untuk memacu kejayaan mahasiswa ke tahap yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

